




# MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK ;  
ISRAK MIKRAJ;  
AMANAH DAN  
TANGGUNGJAWAB  
SOLAT



ISLAMIC SALVAGE OBEYANCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "ISRAK MIKRAJ; AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB SOLAT".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Bersempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj, khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "<b>ISRAK MIKRAJ; AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB SOLAT.</b>"</p>	6



Di antara perkara yang sangat penting ketika Nabi SAW diisrak mikrajkan ialah perintah menunaikan solat fardu. Pada mulanya, Allah SWT telah memberikan wahyu kepada baginda Nabi SAW supaya menunaikan solat fardu lima puluh waktu sehari semalam. Seterusnya baginda SAW bersabda: "Maka, aku pun turun dan bertemu Nabi Musa AS, lalu dia bertanya, 'Apakah yang telah difardhukan oleh Tuhanmu kepada umatmu?' Aku menjawab: "Solat lima puluh waktu'. Nabi Musa pun berkata, 'Kembalilah kepada Tuhanmu dan mintalah keringanan kepada-Nya kerana umatmu tidak akan mampu melaksanakannya. Sesungguhnya aku pernah menghadapi Bani Israel dan masak dengan sifat mereka'. Baginda bersabda: "Maka, aku pun kembali kepada Tuhanku seraya berkata, 'Wahai Tuhanku, berilah keringanan kepada umatku'. Lalu Allah pun mengurangkan lima waktu solat daripadaku'.

7

Demikianlah baginda Nabi SAW terus berulang alik antara Allah SWT dan Nabi Musa AS, sehinggalah Allah berfirman: 'Wahai Muhammad! Sesungguhnya ia adalah lima solat fardhu sehari semalam. Setiap solat akan dilipatgandakan sepuluh kali ganda. Maka, itulah lima puluh solat fardhu. Dan barangsiapa yang berniat untuk melakukan satu kebaikan, tetapi dia tidak melakukannya, akan dicatat baginya satu kebaikan. Jika dia melaksanakannya, maka akan dicatat baginya sepuluh kebaikan. Sebaliknya barangsiapa yang berniat ingin melakukan satu kejahatan, tetapi dia tidak melakukannya, tidak akan dicatat baginya sesuatu apa pun. Lalu jika dia mengerjakannya, maka akan dicatat sebagai satu kejahatan'."

*(Riwayat Muslim).*

8

Setelah selesai semua perkara itu, Rasulullah kembali bertemu dengan Jibril Alaihissalam, lalu mereka turun ke bumi sampai ke Baitul Maqdis. Lalu baginda naik Buraq dan diiringi oleh Jibril. Kemudian kembali semula pada pagi-pagi hari sebelum fajar.

9



<p>Perintah Solat adalah nikmat yang paling besar daripada peristiwa Israk dan Mikraj. Solat adalah sebagai hubungan dengan Allah. Detik munajat kepada Allah SWT sepatutnya solat bersifat sempurna. Tersisih daripada alam kebendaan, nafsu syahwat dan fitnah, agar tertumpu sepenuhnya kepada zat Tuhan. Sehingga dapat merasakan kelazatan ujud di sisi Tuhan. Solat itu merupakan tunggangan Buraq seorang mukmin menembusi lapisan-lapisan langit yang bertingkat-tingkat menuju Allah Taala.</p>	10
<p>Antara syarat diterima solat ialah merendahkan diri kepada kebesaran Allah, menjauhi sifat takabbur, ujub dan dusta, berkasih-kasih, hormat menghormati sesama manusia, sentiasa bertaubat, mengingati Allah, menyayangi orang-orang miskin, Ihsan dan banyakkkan sedekah, bahkan membantu serta meringankan beban orang-orang yang ditimpa bencana.</p>	11
<p>Sebenarnya orang yang solat itu digolongkan kepada beberapa golongan. Antaranya, pertama: Menzalimi diri-iaitu orang yang mengerjakannya dengan tidak sempurna. Kedua: Menjaga dan memelihara waktu, tetapi tidak mengawal nafsunya. Ketiga: Memelihara waktu, batas, dan rukun serta menolak was-was dan melawan musuh (solat dan berjihad). Keempat: Menyempurnakan segala hak solat zahir dan batin. Kelima: Menyempurnakan segala hak solat zahir dan batin dan mengawal hati.</p>	12
<p>Solat yang sebenar adalah sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Hadis daripada Malik bin al-Huwairith Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang".</i> <i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	13



Jadikanlah solat itu solat yang dapat mencegah diri daripada perkara keji dan mungkar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

14

*"...dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."*

Dalam kitab "Muniyatul Musolli" menjelaskan solat itu ada yang zahir dan yang batin. Zahirnya ialah : al-Fatihah, rukuk, iktidal, dua sujud, duduk antara dua sujud, tahiyat, dan salam, perkara-perkara sunat dan syarat-syaratnya. Manakala yang batin dan sangat dituntut ialah khusyuk, hadir hati, ikhlas, tazallul (merasa kehinaan diri), memahami makna bacaan, tasbih dan lain-lain lagi.

15

Solat mempunyai kesan besar. Antaranya membentuk kejujuran bermuamalah, menunaikan amanah, pergaulan yang baik, berakhlak, mengutamakan orang lain, menahan diri dari menyakiti orang lain, mewujudkan kasih sayang walau dimana-mana sahaja.

16

Solat itu adalah tiang agama. Kesan solat pula ialah melatih diri supaya sentiasa bersih, melatih tenang, melawan sifat terburu-buru, melahirkan individu berjiwa besar, melazimi takut hanya kepada Allah, menanam rasa malu, menyucikan jiwa dan akhlak, menjaga waktu, bergaul dengan orang yang baik, hidup penuh kejujuran, ikhlas dan berilmu.

17



Antara peristiwa yang diperlihatkan kepada nabi SAW ketika Israk dan Mikraj iaitu diperlihatkan golongan yang mengumpul kayu api, tidak mampu dipikul namun ditambahnya lagi, bandingan manusia yang tidak upaya menyempurnakan amanah, walaubagaimanapun dia masih menerima amanah sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam Dala'il al-Nubuwwah. Negara Islam yang bertamadun sudah semestinya ada pentadbiran dan penjawat awamnya. Sekiranya mereka menjalankan tugas dengan amanah, akan terlaksanalah cita-cita membangunkan dan memajukan umat Islam. Sebaliknya kalau mereka cuai dan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan amanah atau tidak aktif maka samalah seperti orang yang sudah tidak upaya memikul kayu api tetapi ditambah lagi bebanannya. Ini tidaklah bererti umat Islam disuruh lari dari tanggungjawab, tetapi mengukur dirinya supaya berada di tempat yang selayaknya. Satu perkara jika diserahkan kepada orang yang tidak berkelayakan, maka akan menemui kemusnahan.

18

Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 27 yang bermaksud:

*(Juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui".*

19

Sebagai penutup khutbah hari ini, marilah sama-sama kita hayati pengajaran berikut:

1. Israk dan Mikraj adalah ujian kepada keimanan dan pengabdian kepada Allah.
2. Umat Islam terutamanya para pemimpin hendaklah menjaga solat, amanah dan tanggungjawab dengan sempurna supaya terhindar balasan azab neraka Allah jika mengkhianatinya.
3. Umat Islam hendaklah memelihara hak dan amanah terhadap harta dan anggota tubuh badan terutamanya mulut dan juga memelihara serta melatih keluarga istiqamah mengerjakan solat.

20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَمْرٌ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبِرَ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾</p>	21
<p><i>“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”</i></p> <p>(Surah Taha : 132).</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	25
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	26



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ





اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22